

PHILIPS

AVENT

SCF355



Manual pengguna

Kandungan

Penting	3
Medan elektromagnet (EMF).....	5
Pengenalan	6
Menggunakan pemanas botol	6
Gambaran keseluruhan produk	6
Penerangan tetapan	7
Menggunakan pemanas botol dengan tetapan pemanasan susu ekspres.....	8
Jadual rujukan pemanasan ekspres	10
Menggunakan pemanas botol untuk memanaskan makanan bayi.....	11
Menggunakan tetapan simpan panas untuk memanaskan susu	12
Menggunakan pemanas botol dengan tetapan nyahfros	13
Membersihkan dan menyahkerak	15
Pembersihan.....	15
Menyahkerak.....	16
Kitar Semula	17
Sokongan	17
Menyelesaikan masalah	17

Penting

Baca manual pengguna ini dengan teliti sebelum anda menggunakan pemanas botol dan simpan untuk rujukan masa depan.

Bahaya

- Jangan rendamkan kord, palam atau perkakas di dalam air atau cecair lain.

Amaran

- Gunakan perkakas di dalam rumah sahaja.
- Jangan biarkan kord sesalur kuasa terjuntai dari tepi meja atau permukaan ruang kerja. Lebihan kord boleh disimpan di dalam tapak pemanas botol.
- Jauhkan kord sesalur dari permukaan yang panas.
- Sambungkan perkakas hanya kepada soket dinding yang dibumikan. Sentiasa pastikan palam dimasukkan dengan rapi pada soket dinding.
- Periksa sama ada voltan yang ditunjukkan pada dasar perkakas sepadan dengan voltan sesalur tempatan sebelum anda menyambungkan perkakas.
- Jika anda perlu menggunakan kord sambungan, pastikan kord tersebut merupakan kord sambungan dibumikan dengan pengadaran sekurang-kurangnya 13 ampere.
- Jangan gunakan perkakas jika palam, kord sesalur atau perkakas rosak. Jika kord sesalur kuasa rosak, ia mesti diganti oleh Philips, pusat servis yang dibenarkan oleh Philips ataupun pihak lain seumpamanya yang layak bagi mengelakkan bahaya.
- Jangan letakkan perkakas di atas atau berdekatan dengan gas panas atau periuk elektrik atau dalam ketuhar yang panas.
- Perkakas ini boleh digunakan oleh orang yang kurang upaya dari segi fizikal, deria atau mental, atau kurang berpengalaman dan pengetahuan jika mereka diberi pengawasan dan arahan berkenaan penggunaan perkakas secara selamat dan memahami bahaya yang mungkin berlaku.

- Pembersihan dan penyelenggaraan oleh pengguna tidak boleh dilakukan oleh kanak-kanak.
- Perkakas ini tidak seharusnya digunakan oleh kanak-kanak. Jauhkan perkakas dan kordnya daripada capaian kanak-kanak.
- Kanak-kanak tidak seharusnya bermain dengan perkakas ini.
- Jangan tumpahkan air pada palam sesalur kuasa.
- Hanya gunakan perkakas seperti yang diterangkan dalam manual pengguna ini untuk mengelakkan kemungkinan kecederaan yang disebabkan penyalahgunaan.
- Jangan panaskan perkakas terlebih dahulu.
- Pastikan anda sentiasa letakkan botol yang dipasang lengkap dengan penutup dalam pemanas botol sebelum anda menambah air.
- Pastikan anda menambah air sebelum anda menghidupkan pemanas botol.
- Air panas boleh menyebabkan kelecuman serius. Berhati-hatilah semasa pemanas botol mengandungi air panas.
- Permukaan perkakas yang boleh diakses mungkin menjadi panas sewaktu penggunaan dan mungkin mempunyai baki haba selepas penggunaan.
- Jangan gerakkan perkakas semasa ia mengandungi air panas.
- Apabila makanan atau susu mencapai suhu yang diperlukan, keluarkan botol atau bekas daripada pemanas botol. Jika anda meninggalkan makanan atau susu di dalam pemanas botol, suhu makanan atau susu akan meningkat.
- Sentiasa periksa suhu makanan sebelum anda menyuapkannya kepada anak anda. Goncang botol secara perlahan-lahan dan periksa dengan menitiskan sedikit susu pada bahagian dalam pergelangan lengan anda.

Awas

- Perkakas ini bertujuan untuk digunakan dalam rumah dan penggunaan serupa seperti rumah ladang, persekitaran jenis inap sarapan, kawasan dapur kakitangan dalam kedai, di pejabat dan di persekitaran kerja lain dan oleh pelanggan di hotel, motel dan jenis persekitaran perumahan lain.
- Cabut palam perkakas apabila tidak digunakan.
- Permukaan elemen pemanas mungkin mempunyai baki haba selepas penggunaan.
- Biarkan perkakas menjadi sejuk sebelum anda membersihkannya.
- Ikut arahan untuk menyahkerak bagi mengelakkan kerosakan yang tidak dapat dibaiki.
- Jangan cuba untuk membuka atau membaiki sendiri perkakas ini. Anda boleh menghubungi Pusat Layanan Pelanggan Philips di negara anda (lihat **www.philips.com/support**).
- Makanan tidak sepatutnya dipanaskan terlalu lama.

Kod tarikh pengeluaran YYWW terdapat di bahagian simpanan kord pada tapak pemanas botol.

Medan elektromagnet (EMF)

Perkakas Philips mematuhi semua piawaian dan peraturan berkaitan dengan pendedahan kepada medan elektromagnet.

Pengenalan


Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips Avent! Untuk mendapatkan manfaat sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips Avent, daftar produk anda di www.philips.com/welcome.

Dengan pemanas botol ini, anda boleh memanaskan semua botol penyusuan Philips Avent dan susu/makanan bayi di dalam bekas serta balang makanan bayi yang lain dengan selamat.







Nota: Beg susu badan Philips Avent dan botol 60 ml Philips Avent tidak boleh digunakan dalam pemanas botol ini.

Menggunakan pemanas botol

Gambaran keseluruhan produk




Penerangan tetapan


	<p>Pemanas botol akan dimatikan dan lampu akan turut dimatikan. Pada tetapan lain, perkakas akan dihidupkan dan lampu akan bernyala.</p>
	<p>Pilih tetapan ini apabila anda mahu memanaskan botol susu dengan pantas pada suhu bilik (22 °C) dengan kandungan dari 60 mlz hingga 330 ml atau pada suhu sejuk (5 °C) dengan kandungan daripada 60 ml hingga 240 ml. Jika botol tidak dikeluarkan dengan segera selepas pemanasan, susu akan menjadi terlampau panas.</p>
	<p>Pilih tetapan ini apabila anda mahu memanaskan botol susu dengan pantas pada suhu sejuk (5° C) dengan kandungan dari 270 ml hingga 330 ml. Jika botol tidak dikeluarkan dengan segera selepas pemanasan, susu akan menjadi terlampau panas.</p>
	<p>Pilih tetapan ini apabila anda mahu memanaskan bekas/balang makanan bayi.</p>
	<p>Tetapan ini memanaskan susu pada kelajuan yang lebih perlahan, kemudian memastikan susu kekal panas.</p>
	<p>Nyahfros susu/makanan bayi di dalam botol/bekas menjadi cecair. Pemanasan tidak akan berlaku.</p>

Menggunakan pemanas botol dengan tetapan pemanasan susu ekspres


- 1 Masukkan palam sesalur kuasa ke dalam soket dinding. Letakkan botol di dalam pemanas botol.



- 2 Isi pemanas botol dengan air minuman hingga paras susu di dalam botol. Sekiranya jumlah susu banyak, paras air maksimum seharusnya kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol. Paras air yang tepat akan menjamin prestasi pemanasan yang baik.




- 3 Pilih tetapan yang dimahukan berdasarkan jumlah susu. Lihat jadual rujukan pemanasan ekspres pada akhir bab ini untuk mengetahui tempoh pemanasan susu mengikut tetapan yang dipilih.



Nota

- Kelajuan pemanasan susu bergantung pada jumlah susu yang dipanaskan dan suhu awal susu, iaitu suhu bilik (22 °C) atau suhu peti sejuk (5 °C).



- 4** Lampu jingga akan beryala apabila anda memilih tetapan. Ini menunjukkan bahawa pemanas botol telah dihidupkan.



Nota

- Sewaktu pemanasan, susu akan menyebarkan dan menjadi panas seluruhnya.

- 5** Semak jadual rujukan pemanasan ekspres untuk mengetahui waktu yang diperlukan untuk memanaskan susu. Selepas masa yang dinyatakan dalam jadual rujukan pemanasan ekspres telah berlalu, keluarkan botol untuk penyusuan atau putar tombol kepada “Simpan Panas” untuk menyimpan susu panas pada suhu yang betul.




Petua

- Jika anda mendapati yang susu tidak cukup panas, anda boleh meletakkan semula botol itu ke dalam perkakas untuk memanaskannya lagi selama maksimum 30 saat. Ini akan menjadikannya lebih panas tanpa menjadi terlampau panas.


Awas

- Jika anda membiarkan botol dalam pemanas botol lebih lama daripada masa yang dinyatakan dalam jadual tetapan, susu mungkin menjadi terlampau panas.
- Jika anda terlebih panaskan susu badan, nutrien dan vitamin penting mungkin hilang.

- 6** Sentiasa periksa suhu sebelum anda memberikannya kepada bayi anda. Goncang botol atau bekas simpanan susu perlahan-lahan dan periksa suhu susu dengan memercikkan beberapa titik susu pada bahagian dalam pergelangan tangan anda.





- 7** Pusingkan tombol kembali kepada kedudukan 'mati'.



! **Awas**

- Air di dalam pemanas botol mungkin panas pemanasan susu/makanan bayi selesai. Berhati-hati kerana air panas boleh menyebabkan kelecuman serius.
- Jika anda tidak memutar tombol kembali kepada kedudukan 'mati', air akan terus dipanaskan dan akan mencapai suhu yang sangat tinggi.

Jadual rujukan pemanasan ekspres


ml			
	22°C	5°C	5°C
60 ml - <150 ml	2 - 3 min	5 - 6 min	-
150 ml - <210 ml	3 - 4 min	6 - 7 min	-
210 ml - <270 ml	4 - 5 min	7 - 9 min	-
270 ml - 330 ml	5 - 6 min	-	8 - 10 min

Nota

- Masa pemanasan yang dinyatakan adalah berdasarkan botol polipropilena Philips Avent Natural dan Antikolik. Sila ambil perhatian bahawa masa pemanasan botol polipropilena Philips Avent Anti-colic dengan bolong AirFree dan botol kaca Natural berbeza daripada masa yang dinyatakan. Selain jenis botol dan bahan, ciri seperti ketebalan juga mungkin menjejaskan masa pemanasan. Oleh hal yang demikian, masa yang lebih singkat mungkin diambil untuk memanaskan jumlah susu yang lebih banyak.
- Makanan atau susu mungkin sejuk bagi anda tetapi suhu itu sangat selesa untuk bayi yang baru lahir.

Menggunakan pemanas botol untuk memanaskan makanan bayi

- 1 Ikut langkah yang sama seperti yang ditunjukkan dalam bab sebelumnya.
- 2 Pastikan anda mengacau makanan bayi sewaktu memanaskannya kerana pengedaran haba tidak berlaku secara automatik. Berhati-hati agar jari anda tidak melecur semasa memegang bekas/balang sewaktu mengacau makanan.




Selepas pemanasan, rasa makanan bayi menggunakan sudu untuk memastikan makanan tidak terlalu panas. Jika makanan bayi tidak cukup panas, letakkan semula bekas ke dalam pemanas botol dan panaskan makanan bayi sehingga menjadi cukup panas.

Nota



- Oleh sebab makanan bayi mempunyai pelbagai konsistensi, anda dicadangkan agar mengacau dan merasa secara berterusan sewaktu anda memanaskan makanan bayi untuk mendapatkan hasil optimum.
- Oleh sebab makanan bayi mempunyai pelbagai konsistensi, mustahil bagi kami untuk menunjukkan masa pemanasan makanan bayi.

Menggunakan tetapan simpan panas untuk memanaskan susu


- 1 Masukkan palam sesalur kuasa ke dalam soket dinding. Letakkan botol atau bekas di dalam pemanas botol.



- 2 Isi pemanas botol dengan air minuman hingga paras susu di dalam botol/bekas. Sekiranya jumlah susu banyak, paras air maksimum seharusnya kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol.




- 3 Pilih kedudukan simpan panas.



Pada tetapan ini, anda boleh memanaskan susu pada kadar yang perlahan dan mengekalkannya pada suhu yang sesuai. Contohnya, untuk memanaskan sebotol susu sebanyak 120 ml yang berada pada suhu bilik akan mengambil masa 15-20 minit. Masa pemanasan mungkin mengambil masa yang lebih lama atau lebih singkat bergantung pada jumlah susu dan suhu permulaan susu.



- Philips Avent mengesyorkan agar anda memberikan susu kepada bayi sebaik sahaja susu dipanaskan. Kami mengesyorkan agar anda tidak memanaskan semula susu selepas susu menjadi sejuk.
- Sentiasa periksa suhu sebelum anda memberikannya kepada bayi anda.

4 Putarkan semula tombol kepada kedudukan 'mati' apabila botol/bekas dikeluarkan daripada pemanas botol.





Menggunakan pemanas botol dengan tetapan nyahfros

1 Pasang palam perkakas pada soket dinding. Letakkan botol atau bekas di dalam pemanas botol.




2 Isi pemanas botol dengan air minuman hingga paras susu/makanan bayi di dalam botol/bekas. Sekiranya jumlah susu/makanan bayi banyak, paras air maksimum perlu kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol.





3 Pilih kedudukan nyahfros.



Pada tetapan ini, susu/makanan bayi beku akan dinyahfros menjadi cecair. Untuk susu beku, semak jadual rujukan pemanasan untuk masa nyahfros yang dijangkakan. Selepas susu dinyahfros, pilih tetapan pemanasan ekspres atau tetapan simpan panas untuk memanaskan susu anda. Sila rujuk bab sebelumnya untuk mendapatkan arahan penggunaan. Jika anda ingin menggunakan masa pemanasan sebagai panduan anggaran, pastikan suhu permulaan susu berada pada sekitar suhu peti sejuk.

	ml	jam
	60 ml - 90 ml	1-1.5
	120 ml - 150 ml	1.5-2
	180 ml - 210 ml	1.5-2.5

4 Anda boleh menyahfros makanan bayi di dalam bekas makanan Philips Avent dengan tetapan ini. Selepas makanan bayi anda dinyahfros, pilih tetapan pemanasan makanan untuk memanaskan makanan. Sila rujuk bab sebelumnya untuk mendapatkan arahan penggunaan.

Nota

- Oleh sebab makanan bayi mempunyai pelbagai konsistensi, anda dicadangkan agar mengacau dan merasa secara berterusan sewaktu anda memanaskan makanan bayi untuk mendapatkan hasil optimum.
- Oleh sebab makanan bayi mempunyai pelbagai konsistensi, mustahil bagi kami untuk menunjukkan masa pemanasan makanan bayi.


Membersihkan dan menyahkerak

Pembersihan

- 1 Selepas setiap penggunaan, cabut palam pemanas botol dan biarkan perkakas menyejuk.
- 2 Keluarkan air daripada pemanas botol atas sebab-sebab kebersihan.



- 3 Lap bahagian luar dan bahagian dalam pemanas botol menggunakan kain lembap.
↳ Jangan gunakan pelarut pelelas, agen pembersihan anti bakteria, pelarut kimia atau alat tajam untuk membersihkan pemanas botol.



Nota

- Jika anda menggunakan pemanas botol untuk memanaskan makanan bayi, pastikan tiada sisa makanan bayi di bahagian bawah pemanas botol.

Menyahkerak

Anda disyorkan untuk menyahkerak pemanas botol **setiap empat minggu** untuk memastikan pemanas terus berfungsi dengan cekap.

- 1 **Campurkan 50 ml cuka putih dengan 100 ml air sejuk untuk menyahkerak pemanas botol. Hidupkan pemanas botol, pilih tetapan pemanasan susu ekspres 1 dan biarkan perkakas beroperasi selama 10 minit. Biarkan larutan itu di dalam pemanas botol sehingga semua kerak larut.**




Nota

- Anda juga boleh menggunakan penyahkerak berdasarkan asid sitrik.
- Jangan menggunakan penyahkerak jenis yang lain.

- 2 **Cabut palam pemanas botol sebelum anda mengosongkannya.**



- 3 **Kosongkan pemanas botol dan basuh bahagian dalam dengan bersih. Jika anda masih melihat kerak, ulangi prosedur penyahkerakan.**



Kitar Semula

Simbol ini bermaksud bahawa produk elektrik tidak harus dilupuskan bersama buangan isi rumah yang biasa.

Patuhi peraturan negara anda untuk pengumpulan produk elektrik yang berasingan.



Sokongan

Untuk semua sokongan produk seperti soalan lazim, sila lawati www.philips.com/support.

Menyelesaikan masalah

Bab ini meringkaskan masalah paling lazim yang anda hadapi dengan perkakas. Jika anda tidak dapat menyelesaikan masalah dengan maklumat di bawah, hubungi Pusat Layanan Pelanggan di negara anda.

Masalah	Penyelesaian
Susu terlalu panas.	<p>Anda mungkin telah memilih tetapan yang salah atau membiarkan botol di dalam pemanas botol lebih lama daripada masa yang dinyatakan dalam jadual tetapan.</p> <p>Pilih tetapan dan periksa masa yang diperlukan untuk memanaskan susu mengikut "Jadual rujukan pemanasan ekspres". Selepas masa yang dinyatakan dalam jadual rujukan pemanasan ekspres telah berlalu, keluarkan botol dengan segera atau putar tombol kepada "Simpan Panas" untuk menyimpan susu panas pada suhu yang betul, jika tidak, susu akan menjadi terlampau panas.</p>
Susu masih sejuk.	<p>Anda mungkin telah memilih tetapan yang salah atau menggunakan botol silikon.</p> <p>Pilih tetapan dan periksa masa yang diperlukan untuk memanaskan susu mengikut "Jadual rujukan pemanasan ekspres". Selepas masa yang dinyatakan dalam jadual rujukan pemanasan ekspres telah berlalu, keluarkan botol dengan segera atau putar tombol kepada "Simpan Panas" untuk menyimpan susu panas pada suhu yang betul, jika tidak, susu akan menjadi terlampau panas.</p> <p>Jika anda menggunakan botol silikon, selepas masa yang dinyatakan dalam jadual rujukan pemanasan ekspres telah berlalu, tunggu selama 30-60 saat untuk memastikan susu tidak panas.</p>

Masalah	Penyelesaian
<p>Pemanas botol dinyahfros dengan terlalu perlahan.</p>	<p>Susu tidak boleh dinyahfros pada suhu tinggi kerana suhu tinggi akan menyebabkan kehilangan nutrien. Suhu lembut yang digunakan untuk menyahfros susu mungkin menyebabkan masa yang lebih lama daripada yang dijangkakan untuk mencairkan susu.</p>
<p>Pemanas botol tidak berfungsi semasa proses pemanasan. Saya tidak boleh menghidupkan pemanas botol.</p>	<p>Bahagian bawah pemanas botol mungkin disekat oleh kerak. Pemanas botol perlu dinyahkerak sekurang-kurangnya setiap empat minggu. Lihat bahagian "Menyahkerak".</p>



© 2023 Koninklijke Philips N.V.
Semua hak terpelihara.

21/02/2023